

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah keputusan Kerajaan selepas Perdana Menteri mengusulkan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ketika ini berjumlah antara RM200 dan RM300 dinaikkan kepada RM1,000 di Sabah baru-baru ini. Bilakah akan dilaksanakan, apakah implikasi kewangan dan berapakah anggaran penerima bantuan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan cadangan kenaikan kadar bantuan daripada RM200 hingga RM300 kepada maksimum RM1,000 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asas (*basic needs*) dan meringankan beban penerima bantuan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan dengan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan.

Sehubungan itu, KPWKM telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar bantuan JKM dalam Dasar Bajet Kementerian bagi tahun 2021 untuk perhatian dan pertimbangan Kementerian Kewangan.